



**“PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMELIHARAAN LANSKAP BAGI
TEMPOH SATU (1) TAHUN DI PUSAT PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN”**

Bil. No.	Keterangan Description
1	PERSEDIAAN AWAL DAN PERATURAN AM
a)	Menurut keperluan Persediaan Awal yang diperlukan bagi memenuhi ketetapan Perjanjian dan Peraturan Am Bangunan dan Kerja Binaan (Negara Brunei Darussalam, Semakan 1998).
2	ARAHAN KEPADA PEMBEKAL / PEMBORONG
a)	Pembekal / Pemborong mestilah membekalkan tenaga kerja seramai Lima (5) orang pekerja.
b)	Pembekal / Pemborong mestilah membekalkan segala keperluan yang mencukupi dari segi pengangkutan, mesin, peralatan, langkah-langkah keselamatan dan peralatan keselamatan pekerja, tanda amaran, pengatur lalulintas sementara, termasuk segala persediaan dan langkah-langkah bagi menghindarkan / menghalang kerosakkan / gangguan terhadap persekitaran / bangunan / tumbuhan terpelihara / laluan orang ramai/ jalan masuk/ jalan raya / harta benda awam dan sebagainya.
c)	Pembekal / Pemborong mestilah memindahkan keluar dari kawasan tapak kerja segala bahan buangan atau sampah yang terhasil dari kerja yang dilaksanakan (potongan rumput / tumbuhan / pokok / dahan) dengan mengangkut dan membuang ke tempat pembuangan khusus atau tempat pembuang pembekal / pemborong sendiri.
d)	Pembekal / pemborong hendaklah menghubungi pihak Pengurusan terutamanya Unit Estet dan Fasiliti, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Pusat L3 bagi memaklumkan sebarang aktiviti-aktiviti kerja yang akan dilaksanakan dan mematuhi segala arahan-arahan yang berkenaan dengan keselamatan / kesejahteraan di tempat tersebut dan juga memaklumkan kepada Pihak Pengurusan sebelum meninggalkan kawasan / tempat kerja. Pihak Pengurusan berhak membuat sebarang pemeriksaan terhadap pekerja / kenderaan pembekal / pemborong jika perlu.
e)	Pembekal / Pemborong tidak dibenarkan membawa keluar / mengambil tanpa kebenaran sebarang harta benda / tumbuhan tanaman/ apa-apa yang tidak berkenaan dengan kerja-kerja perkhidmatan. Pihak Pengurusan / Pegawai Penguasa berhak membuat sebarang pemeriksaan terhadap mana-mana pekerja atau kenderaan Pembekal / Pemborong yang masuk ke kawasan pada bila-bila masa.
f)	Pembekal / Pemborong hendaklah akur dan maklum bahawa kelayakan tuntutan bayaran adalah ditentukan oleh Pihak Pegawai Penguasa iaitu dengan kadar harga yang ditetapkan di bawah bagi setiap jenis kerja-kerja yang telah sempurna dilaksanakan atau hingga mencapai kehendak Pegawai Penguasa.

Bil. No.	Keterangan <i>Description</i>	Peratusan Skop Kerja <i>Weightage Scope of Work</i>
<p>A</p> <p>1)</p> <p>2)</p>	<p>MEMOTONG DAN MEMBERSIHKAN SISA POTONGAN RUMPUT</p> <p>Memotong segala tumbuhan / semak / pokok liar / rumput kepada ketinggian antara 20mm – 50mm di seluruh kawasan berumput di dalam kawasan serta jarak 2 meter luar dari pagar keliling / sempadan* Pusat L3 termasuk memotong segala semak / pokok (ketinggian tidak melebihi 1.5 meter atau garislintang batang tidak melebihi 50mm) serta membersihkan kawasan tersebut dengan membuang dan mengangkut segala sampah / bekas potongan keluar dari kawasan mengikut arahan dan mencapai kehendak Pegawai Penguasa dan Pelanggan.</p> <p>Nota: Kerja-kerja permulaan dan seterusnya kerja-kerja pemeliharaan kawasan terbabit adalah tertakluk kepada pemotongan rumput mengikut jadual. Kerja-kerja Pembersihan Awal akan meliputi pembersihan kawasan secara menyeluruh dan sebarang pembelanjaan tambahan adalah tanggungjawab Pembekal / Pembedor.</p>	<p style="text-align: center;">75%</p>
<p>B</p> <p>1)</p> <p>2)</p>	<p>MEMOTONG DAN MEMBUANG DAHAN-DAHAN & POKOK-POKOK DI KELILING PAGAR DAN DALAM KAWASAN PUSAT L3 SERTA MEMBERSIHKAN SISA POTONGAN POKOK-POKOK DAN TUMBUHAN.</p> <p>Memotong segala pokok di keliling pagar dan dalam kawasan Pusat L3 yang boleh menimbulkan bahaya terhadap Pelanggan / Pengguna termasuk memotong segala semak / dahan / pokok serta membersihkan kawasan tersebut dengan membuang dan mengangkut segala sampah / bekas potongan keluar dari kawasan mengikut arahan dan mencapai kehendak Pegawai Penguasa dan Pelanggan.</p> <p>Nota: Kerja-kerja permulaan dan seterusnya kerja-kerja pemeliharaan kawasan terbabit akan tertakluk kepada pemotongan pokok mengikut jadual. Kerja-kerja Pemotongan Pokok dilakukan secara berperingkat (mengikut arahan dari Pegawai Penguasa / Pihak Berkuasa sehingga mencapai kehendak Penguasa / Pihak Berkuasa) dan sebarang pembelanjaan tambahan adalah tanggungjawab Pembekal / Pembedor.</p>	<p style="text-align: center;">06%</p>

C	MEMBERSIHKAN LONGKANG KONKRIT / TANAH DI DALAM KAWASAN 1) Membersihkan longkang konkrit / tanah di dalam kawasan* dari kotoran / sampah / halangan / mandapan dengan mengambil kira segala kerja-kerja mengalihkan dan memasang semula penutup / grill longkang (jika ada), menggali dan memindahkan mandapan serta memastikan longkang dalam keadaan bersih. (Dengan membuat pemeriksaan dan pembersihan mengikut jadual serta bersedia membuat kerja pembersihan pada bila-bila masa) mengikut arahan dan mencapai kehendak Pegawai Penguasa. 2) Nota: Kerja-kerja Pembersihan Longkang hendaklah dilaksanakan mengikut jadual / ketetapan tarikh yang ditentukan oleh Pelanggan. 3) Pembekal / pemborong adalah dilarang / tidak dibenarkan melonggok sebarang bahan buangan / kutipan mandapan / sampah di sepanjang tepi longkang. Pegawai Penguasa berhak mengeluarkan arahan pada bila-bila masa kepada Pembekal / Pemborong untuk mengutip semula longgokan tepi longkang (jika ada) atau menggunakan Pihak Ketiga (Pemborong lain) dan segala Pembelanjaan berkenaan akan dituntut kepada Pembekal / Pemborong Asal.	19%
----------	--	-----

SYARAT DAN PERATURAN:

1. Sebut harga ini dibukakan kepada syarikat-syarikat yang mempunyai sijil Pendaftaran Perniagaan yang sah di Negara Brunei Darussalam.
2. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebut harga yang termurah atau mana-mana sebut harga yang tidak berpatutan.
3. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berhak untuk membatalkan atau mengubah jumlah skop sebut harga yang dibukakan.
4. Sebut harga ini akan ditutup pada hari **Sabtu, 14 Muharram 1446H / 20 Julai 2024M sebelum jam 08.30 pagi** dan mana-mana sebutharga yang dihadapkan lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan adalah dikira tidak sah.
5. Sebut harga bersama pecahannya yang dihadapkan oleh Syarikat-Syarikat berkenaan hendaklah dinyatakan dengan jelas dan teratur iaitu dalam kadar matawang **Ringgit Brunei (B\$)**.
6. **Tempoh sahlaku** sebut harga yang perlu diberikan oleh Syarikat-syarikat yang ikut serta ialah tidak kurang dari **6 Bulan**.
7. Syarikat yang telah dilantik dan diatitkan bagi melaksanakan kerja-kerja perkhidmatan sebut harga berkenaan adalah dengan serta merta terikat kontrak dengan pihak kerajaan selama tempoh kontrak perkhidmatan yang telah ditetapkan dan jika sekiranya Syarikat yang telah dilantik tidak berkesanggupan untuk meneruskan perkhidmatan kontrak selama tempoh yang diberikan dan hendak mengundur diri atas sebab-sebab alasan yang tidak munasabah, maka Jabatan ini tidak teragak-agak untuk membuat teguran secara bertulis **senarai hitam (black list)** kepada Syarikat berkenaan atas kegagalan tidak mematuhi peraturan mahu pun piawaian yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.
8. Syarikat yang berjaya adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan kesemua skop kerja Perkhidmatan Pemetongan Rumput dan Pemeliharaan Landskap dalam tempoh **12 bulan** iaitu dari tarikh surat pengesahan penerimaan sebut harga atau pesanan pembelian (**purchase order / PO**) dikeluarkan oleh pihak Kerajaan.
9. Syarikat yang berjaya adalah bertanggungjawab untuk memastikan semua kerja-kerja yang dibuat hendaklah mengikut skop kerja yang telah diatitkan dan memuaskan kehendak pelanggan atau pengguna. Mana-mana Syarikat yang didapati tidak memenuhi atau melanggar sebahagian atau mahu pun keseluruhan peraturan yang disenaraikan diatas, maka sebutharga yang dihadapkan oleh Syarikat-Syarikat berkenaan akan ditolak.
10. Peraturan dan keperluan yang disebutkan di atas adalah dijaga dan dilindungi oleh Undang-Undang Negara Brunei Darussalam (Laws Of Brunei).

PERHATIAN:

Jika awda berminat untuk ikut serta dalam tawaran ini, awda dikehendaki mengisi **Borang Penyertaan** melalui pautan: <https://forms.gle/UbmUDp1HUdf4aS5t6> dan membuat pembayaran secara **WANG TUNAI** sebanyak **BND\$5.00 (tidak dikembalikan)** bagi setiap projek ke **Tingkat 1, Blok Pentadbiran, Kaunter Unit Kewangan dan Perolehan, Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (Pusat L3), Kementerian Pendidikan.**

Borang Sebutharga dan dokumen yang berkaitan akan dihantar kepada awda sebaik sahaja pihak Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (Pusat L3) menerima resit pembayaran awda. Sila pastikan emel yang awda gunakan adalah sah. Sila emel salinan resit pembayaran awda kepada finance.l3c@moe.gov.bn untuk mengesahkan pembayaran awda.

Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyertakan bilangan dan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menyatakan nama penender / syarikat dengan dialamatkan kepada **Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan.**

Tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang disediakan di alamat: **Jabatan Pengajian Tinggi, Bilik B511, Blok B, Tingkat 5 Bangunan Lama, Kementerian Pendidikan, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.**

NOTE:

*If you are interested to submit an offer, you are required to fill in the online **Participation Form** at <https://forms.gle/UbmUDp1HUdf4aS5t6> and pay by **CASH \$5.00 (non refundable)** per project at **Tingkat 1, Blok Pentadbiran, Kaunter Unit Kewangan dan Perolehan, Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (Pusat L3), Kementerian Pendidikan.***

The Original Quotation (Borang Sebutharga Asal) and related documentation will be sent to you once we receive your payment receipt. Please make sure you use a valid email account. Please email a copy of your payment receipt to finance.l3c@moe.gov.bn to confirm your payment.

*All quotation documents must be submitted in sealed envelope(s) with the quotation reference number, description of item, date advertised and closing date, on the top right hand of the envelope. Suppliers must not include their company name on the envelope. The quotation should be addressed to **Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan.***

*The completed quotation must be submitted to quotation box at **Jabatan Pengajian Tinggi, Bilik B511, Blok B, Tingkat 5 Bangunan Lama, Kementerian Pendidikan, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.***